

# Dr. Mahathir: Saya tidak arah sesiapa

UM 30 APR 2000

KUALA LUMPUR 29 April – Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, beliau tidak pernah mengarahkan calon-calon yang bertanding supaya berjanji atau berikrar menghentikan kempen dan menghindari politik wang.

Sebaliknya, kata Presiden UMNO itu, calon-calon sendiri yang mahu berbuat demikian menjelang pemilihan UMNO Mei ini.

“Itu keputusan mereka... saya tidak mengarahkan sesiapa,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Simposium Jati Diri Melayu Abad 21 di sini, hari ini.

Perdana Menteri ditanya mengenai pertemuannya dengan calon-calon Majlis Tertinggi (MT) di Putrajaya malam tadi.

Sebelum ini, beliau telah mengadakan pertemuan dengan semua calon Naib Presiden serta Ketua dan Naib Ketua Pergerakan Pemuda dan Wanita berhubung soal pemilihan.

---

## Mengamalkan

Dalam pertemuan itu, calon-calon berkenaan telah menandatangani surat ikrar yang antara lain berjanji tidak mengamalkan politik wang, politik rasuah dan berkempen.

Perdana Menteri kemudian memberi amaran akan mendedahkan nama calon yang tidak mematuhi ikrar yang mereka tandatanganinya itu kepada perwakilan.

Dr. Mahathir menjelaskan, dalam pertemuannya dengan calon MT, beliau telah menerangkan kepada mereka mengenai situasi yang dihadapi oleh UMNO pada masa ini.

Di samping itu, beliau juga meminta kerjasama daripada mereka supaya tidak melakukan sesuatu yang boleh menjejaskan lagi populariti UMNO.

Ahli MT kata beliau, kemudiannya membuat persetujuan untuk menghindari politik wang tetapi akan terus berkempen dengan cara yang sah dan dibenarkan oleh UMNO.

“Calon Naib Presiden telah membuat keputusan mereka mesti berhenti berkempen sepenuhnya tetapi bagi calon MT mereka bersetuju tidak akan gunakan politik wang tetapi akan berkempen dengan cara yang tidak menjejaskan parti,” kata Dr. Mahathir.